

19/09/1997

Pasport elektronik dilancar bulan depan

KUALA LUMPUR, Khamis - Pasport baru Malaysia yang boleh dikesan mesin elektronik dan sukar dipalsukan dikenali sebagai 'Machine Readable Passport' (MRP) dijangka dilancar bulan depan.

Bagaimanapun, tarikh pelancarannya bergantung kepada keupayaan Jabatan Imigresen memproses pasport itu serta memasang mesin elektronik di setiap pintu masuk dan keluar di negara ini.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Imigresen, Mohd Sabri Zainal, berkata jabatan masih berusaha menyediakan pasport berkenaan secepat mungkin.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan pasport itu sebaik saja semua urusan menyediakan mesin elektronik di pintu keluar masuk dan pasport itu siap sepenuhnya.

Beberapa negara, termasuk Brunei Darussalam sudah menggunakan pasport elektronik itu, katanya ketika dihubungi hari ini.

(END)